

Parlimen: Program Pemasyarakatan Banduan Berjaya Capai Matlamat - Ahmad Zahid Bernama
20 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Program Pemasyarakatan Banduan, yang diperkenalkan pada 2010, berjaya mencapai matlamatnya apabila tiada peserta program yang dibebaskan masuk semula ke penjara, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata antara faktor utama kejayaan program itu ialah pendedahan kepada orang yang diselia (ODS) mengenai input spiritual dan kursus keterampilan asas membabitkan kemahiran seperti pertanian, perikanan, penyelenggaraan bangunan dan aktiviti yang memberi pendapatan kepada mereka.

"Dengan membekalkan ilmu pengetahuan dan kemahiran tersebut, ODS yang dibebaskan mampu berdikari bagi mencari nafkah hidup," katanya ketika menjawab soalan Datuk Ismail Mohamed Said (BN-Kuala Krau) pada persidangan Dewan Rakyat Selasa.

Ahmad Zahid berkata seramai 2,713 banduan atau ODS terlibat dalam program itu sejak ia diperkenalkan.

Sehingga Mei lalu, 1,827 ODS telah dibebaskan, katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=674344>